

Ganti pam 15 tahun elak banjir di Kampung Baru

Oleh LILY YEAN

lily.yean@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Kerajaan diminta meneliti semula permohonan untuk menggantikan pam lama di rumah pam di Kampung Baru di sini bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan itu dan sekitarnya.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani (**gambar kecil**) berkata, pihaknya telah membuat permohonan kepada Bahagian Pengurusan Banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran pada awal tahun ini namun ia ditolak ekoran kekurangan bajet.

“Kita memerlukan sebanyak RM3.5 juta untuk menggantikan pam itu yang berusia lebih 15 tahun dan berfungsi melepaskan air hujan ke dalam sungai bagi mengawal banjir.

“Dengan memasang pam yang berkapasiti lebih besar akan dapat mengatasi masalah banjir kilat daripada berulang,” ujarnya selepas melawat dua rumah pam di Kampung Baru di sini semalam.

Beliau kemudian melawat mangsa banjir di kawasan tersebut dan Kampung Datuk Keramat.

Lebih 65 buah keluarga

di Kampung Baru dan 123 keluarga di Kampung Datuk Keramat menjadi mangsa banjir selepas hujan lebat melanda kawasan berkenaan kira-kira tiga jam kelmarin.

Kawasan lain yang turut terjejas termasuk Kampung Sungai Baru, Kampung Periuk, Kampung Paya dan Kampung Ujung Pasir.

Dalam pada itu, seorang



mangsa di Kampung Periuk, Mohd. Noh Tujelan, 36, berkata, dia terpaksa menanggung kerugian kira-kira RMI,000 disebabkan banjir kilat setiap kali musim hujan.

“Sebahagian daripada perabot mengalami kerosakan termasuklah buku-buku anak saya disebabkan banjir yang mencecah paras pinggang,” katanya.



DUA beradik, Mohd. Fikrul Izwan (kanan) dan Mohd. Fikrul Izwadi Mohd. Noh menjemur buku sekolah yang rosak akibat banjir kilat di Kampung Periuk, Kuala Lumpur semalam.